TAREEQAH

# MUHAMMADIYAH

الله

محمد

## Jalan Menuju Redha ALLAH Tuhan Semesta Alam

Jalan Menuju Redha ALLAH - 2
Perjalanan Insan - 3
Al A'dam ( Tiada ) - 4
Alam Ruh - 4
Kehidupan kita yang terbatas di kehidupan yang fana ini - 5
Selepas kematian (alam barzakh) - 5
Hari Kiamat - 5
Mahkamah yang pertama - 6
Mahkamah yang kedua - 6
Mahkamah yang ketiga - 6
Kehidupan yang kekal di dalam neraka dan syurga - 6
Persoalan-persoalan dan jawapannya - 8
Mencapai Redha ALLAH - 9
Keadaan-keadaan dan cara-cara yang bukan pilihan - 10
Maksud dan tujuan yang sebenar - 11
Syarat untuk memperolehi keredhaan ALLAH - 13
Penutup Kenabian - 14
Para Sahabat dan Ahlul Bait - 14
Wali Allah - 15
Wali syaitan - 15
Aqidah Islamiah yang wajib/fardhu ain ke atas setiap muslim - 17
ILMU FIQH - 18
Hak-hak Allah Azza Wajalla - 19
Hak-hak Nabi Muhammad (sollallahu 'alaihi wasallam) - 19
Hak-hak jiwa(diri) - 20
Hak-hak sekelian makhluk yang lain - 20
At Taubah - 24
Sehingga bilakah seseorang itu boleh bertaubat ? - 25
Syarat-syarat Taubat: - 25
Faedah-faedah dan kelebihan-kelebihan melakukan bertaubat: - 25
Manfaat yang diperolehi sekiranya seseorang tetap dan berterusan di dalam taubat - 26
Peringkat Pertama - Penyucian Anggota Tujuh - 27
Peringkat Kedua - Penyucian Akal Fikiran - 32
Peringkat Ketiga - Penyucian Hati dan Ruh - 38
Peringkat Keempat - Mendekatkan diri dengan Allah dan Redha-Nya - 42
Maqam/Kedudukan Dakwah - 45
Ar Raja' wa Al Khauf (Rasa Pengharapan dan Takut) - 45
لا إله إلاَّ الله - 48
Apakah tugas ini berat dan susah? - 49
Diagram Zikir - 51
Peringkat pertama (Bahagian yang pertama - dosa dan akhlak buruk) - 52
Peringkat pertama (Bahagian kedua- kebaikan dan taqwa) - 53
Peringkat kedua (Mentadbir akal dan menjaganya dari kejahatan) - 54
Peringkat ketiga (Penyucian ruh) - 55
Peringkat keempat (Mendekatkan diri kepada ALLAH dengan hati yang bersih) - 56
40 perjanjian dengan ALLAH - 57
Menunaikan amalan (Kewajipan) harian - 59
Tahap-tahap memperbaiki Ibadah - 60
Penilaian dan Perlaksanaan bagi tahap pengamalan sunnah Nabi Muhammad saw. - 64
Perut, Lidah, Mata,Telinga, Kaki, Tangan, Kemaluan - 66--72
Peringkat kedua (Jadual Penyucian fikiran) - 73
Perjanjian Ilahi (Ikhlas, Syukur, Tawadhuk, Taubat - 74--77
Tahap-tahap sembahyang / solat secara zahir, batin - 79--80
Puasa rohani sepanjang bulan Ramadhan - 82
Haji dan Umrah secara kerohanian - 84
Laporan hal ehwal perjalanan menuju Allah - 85
Ilustrasi zikir pernafasan - 86

بسم الله الرحمن الرحيم

***Jalan Menuju Redha ALLAH***

Fail in adalah khas dan rahsia. Dan ia adalah satu program untuk mengangkat seorang yang menempuh jalan ini, kepada redha ALLAH. Dan nasihat ini adalah dengan lemah lembut untukmu wahai penuntut kesucian iaitu agar membawa fail ini bersamamu pada setiap hal keadaan sekiranya diminta oleh syeikh agar kamu berbuat demikian. Adalah merupakan satu keperluan yang tidak boleh tidak dalam pendakian seseorang yang masih di peringkat permulaan atau seorang yang menempuh jalan ini agar mengikut setiap taklimat dan tugasan yang diarahkan oleh syeikh atau mursyid. Dan setiap taklimat tersebut terkandung di dalam fail ini. Dan begitu juga sepatutnya hendaklah dia menghubungi gurunya sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh empat puluh hari, untuk memastikan hal keadaannya dan selepas perbincangan, dia akan bergerak berdasarkan tunjuk - ajar(taujihat) gurunya.

Nama
:…………………………………………………………………………………………………………………

Umur
:…………………………………………………………………………………………………………………

No Tel
:…………………………………………………………………………………………………………………

Alamat
:…………………………………………………………………………………………………………………

Status perkahwinan
:…………………………………………………………………………………………………………………

Peringkat pengajian
:…………………………………………………………………………………………………………………

Pekerjaan
:…………………………………………………………………………………………………………………

Rancangan masa depan
:…………………………………………………………………………………………………………………

Minat/Hobi
:…………………………………………………………………………………………………………………

# PERJALANAN INSAN



**<u>KENAPA ORANG YANG MENEMPUH JALAN INI MELALUI JALAN INI ?</u>**

**Perjalanan Insan:**

**<u>Al A'dam ( Tiada )</u>**

Segala apa yang dilihat oleh manusia di sekelilingnya sama ada langit, matahari, bulan, bintang, burung, haiwan, sungai, gunung-ganang akan dapat mengetahui dan menyedari bahawa kejadian-kejadian tersebut bukan terjadi dengan sendirinya sebagaimana juga ianya bukan dijadikan oleh manusia. Tidak ada sesuatu kejadian pun melainkan Allah pada peringkat sebelum berlaku sesuatu kejadian, samada malaikat, syurga, neraka, A'rasy Allah, Lauh Mahfuz ataupun al Qalam. Kesemuanya perkara tersebut tidak wujud melainkan Allah semata-mata. Kemudian Allah jadikan alam seluruhnya. Dan tidaklah Allah jadikan jin dan manusia melainkan untuk menyembah-Nya. Oleh sebab itulah kenapa makhluk tidak boleh hidup mengikut kehendaknya sendiri, bahkan hendaklah dia hidup mengikut jalan yang telah diwasiatkan oleh pencipta-Nya. Dan jalan ini adalah satu-satunya jalan yang benar, yang mana barangsiapa yang mengikutinya akan menemui kejayaan.

Firman Allah Azza wa jalla:

ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْمَوْتَ وَٱلْحَيَوٰةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۚ

( سورة الملك : 2 )

"Dia lah yang menjadikan mati dan hidup untuk menguji kalian, siapakah di antara kalian yang baik amalannya"

**<u>Alam Ruh</u>:**

**Allah** telah menjadikan kesemua ruh dan sekalian ruh telah memberikan penyaksian terhadap ketuhanan-Nya.

Firman Allah taala :

أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ ۛ شَهِدْنَآ ۛ أَن تَقُولُوا۟ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَـٰذَا غَـٰفِلِينَ

( سورة الأعراف : 172 )

Sekelian ruh telah mengakui ketuhanan Allah, kemudian mereka dihantar ke alam bersama jisim(anggota badan) untuk membuktikan penyaksian mereka tersebut dalam bentuk amal perbuatan.

**Kehidupan kita yang terbatas di kehidupan yang fana ini**

Allah menempatkan manusia di atas muka bumi ini dan menjadikan ia sebagai negeri tempat ujian bagi mereka terhadap kesetiaan pada janji yang telah diambil oleh Allah daripada mereka dan mereka juga telah mengakuinya. Tidakkah kalian lihat betapa pendeknya tempoh kehidupan kita di dunia ini dan tipu dayanya jika dibandingkan dengan perjalanan alam semesta yang panjang. Maka dengan singkat dan pendeknya itu maka ia(kehidupan dunia) adalah merupakan perhentian yang amat penting dalam perjalanan yang panjang ini, kerana setiap perhentian yang datang setelahnya terhenti atau bergantung keadaannya kepada sebanyak mana bekalan yang kita perolehi atau kumpul semasa di perhentian ini. Kerana perhentian dunia ini telah dihantar dan dihiasi padanya dengan perkara-perkara yang disukai dan syahawat.

Ujian : Adakah seseorang hamba itu akan menggunakan jasadnya untuk taat kepada Allah dan mengikut jalan Rasulullah (sollallahu alaihi wasallam) ataupun dia akan mengikut syaitan dan keinginannya.

**Selepas kematian (alam barzakh)**

Halangan/sekatan terakhir dalam kehidupan dunia ini ialah kita akan diziarahi oleh kematian yang pasti dan akan membawa kita ke alam barzakh(iaitu alam kubur) di mana akan kekal ruh-ruh sehingga hari kiamat dan akan jadilah baginya tempat yang kecil lagi sempit ini, salah satu taman daripada taman-taman syurga atau lubang dari lubang-lubang neraka disebabkan oleh amalan-amalan buruk semasa hidup di dunia. Kehidupan alam barzakh ini wujud dalam jarak yang berbeza akan tetapi pandangan mata manusia tidak dapat melihatnya.

**Hari Kiamat**

Pada hari yang tidak diketahui melainkan Allah sahaja yang mengetahuinya, jasad-jasad akan dikeluarkan dari kubur. Dan Allah swt akan mmenghimpunkannya di satu kawasan tanah tinggi yang lapang. Allah swt tidak akan meninggalkan satupun dari manusia ataupun jin daripada dihisab segala amal perbuatannya, samada besar ataupun kecil. Dan setiap orang akan diberi kitab yang terkandung di dalamnya segala amal perbuatannya semasa di dunia. Dan dia akan menerima tempat kembalinya yang mana itulah pengakhirannya.

Pada hari yang besar ini, Allah SWT adalah Tuan dan Raja yang akan menentukan penghujung tempat kembali bagi setiap seorang. Dan Allah swt melakukannya dengan penuh rahmat dan keadilan.

**Mahkamah yang pertama:**

Mahkamah berkenaan dengan Iman, kufur, tauhid, dan syirik. Ianya meliputi masalah-masalah sekitar tauhid dan syirik. Apakah dia beriman dan mempercayai wujudnya Allah yang Maha Esa dan Rasulullah (solAllahu alaihi wasallam) ataupun dia engkar dan kufur.

**Mahkamah yang kedua**:

Mahkamah berkenaan dengan hak-hak Allah dan Rasul-Nya yang bersangkut-paut dengan perkara-perkara wajib dan sunat seperti sembahyang, puasa, haji, mengikut segala apa yang diperintah oleh Rasulullah (sollAllahu alaihin wasallam). Dan kegigihan dalam beramal dengan al Quran dan mengajarkannya.

**Mahkamah yang ketiga**:

Mahkamah berkenaan dengan hak-hak hamba iaitu yang bersangkut-paut dengan hak-hak manusia dan semua makhluk samada haiwan, tumbuh-tumbuhan, alam sekitar dan lain-lainnya.

**Kehidupan yang kekal di dalam neraka:**

Sekiranya Allah swt tidak mengampuni hamba-hambaNya yang melakukan maksiat dan kefasikan dengan kelebihan, anugerah dan rahmat Nya maka mereka akan tinggal untuk satu waktu yang panjang dan lama di dalam wadi dan sungai api neraka jahannam yang mengalir . Dan jasad yang tidak suci dan kotor dengan dosa akan dicampakkan ke dalam neraka. Manakala jasad yang baik dan tidak suci pula akan diazab di dalam api neraka sekadar apa yang dapat membersihkan dan menghilangkannya dari kotoran-kotoran dosa yang melekat padanya. Dan akan kekAllah ruh-ruh yang keji di dalam neraka jahannam untuk memperolehi balasan buruk akibat dari perbuatan mereka sebagaimana yang telah dijanjikan di permulaan perjalanan.

**Kehidupan yang kekal di dalam syurga:**

Bagi mereka yang beriman kepada Allah swt dan melakukan amalan-amalan soleh semasa hidup di dunia dan menjauhi perkara-perkara dosa maka mereka ini adalah orang-orang yang berjaya dan ganjarannya adalah syurga. Dan setiap orang yang berada di dalam syurga akan dimuliakan oleh Allah dengan berberapa sifat iaitu : tingginya seperti tinggi nabi Adam alaihis salam, cantiknya seperti cantik nabi Yusuf alaihis salam, umurnya seperti umur nabi Isa alaihis salam, suaranya merdu seperti suara nabi Daud alaihi salam dan akhlaknya mulia seperti akhlak nabi kita saidina Muhammad (sollallahu alaihi wasallam)

**Kesimpulan:**

Barangkali akan terlintas di dalam benak fikiran anda; "apakah aku akan memasuki syurga atau neraka?" Kerana di sana tidak ada pilihan ketiga di penghujung perjalanan kita. Maka setiap orang hendaklah bertanya kepada dirinya sendiri, setelah aku mati dimanakah pengakhiran perjalannanku…syurga atau neraka ?
Supaya manusia berjaya dan terlepas dari azab akhirat dan memasuki syurga dengan selamat tidak mesti tidak hendaklah ia menyucikan dirinya dan ruhnya dari perbuatan-perbuatan anggota badannya daripada dosa-dosa dan maksiat, dan dinamakan penyucian ini sebagai "Penyucian Jiwa"( Tazkiah An Nafsi).

Selepas penyucian jiwa, akan jadilah hamba tersebut seorang hamba yang dicintai oleh Allah dan baik untuk memasuki syurga dan begitulah sebaliknya akan menanti ia azab yang pedih di dalam neraka.

**Persoalan-persoalan dan jawapannya**

Soalan: Apakah maksud dan tujuan kita di penghujung jalan ini?
Jawapan: Keredhaan Allah iaitu memperolehi keredhaan Allah

Soalan: Bagaimana mendapat keredhaan Allah?
Jawapan: Hendaklah manusia melakukan empat perkara:

**1)- Membesarkan dan mentaati perintah Allah**

Iaitu mencintai, memuliakan dan mengutamakan Allah taala dan hukum hakam-Nya(syariat yang diperintahkan) dan menolak semua gambaran-gambaran dan perkara-perkara batil dan mentaati perintah-perintahNya dan mengawal segala nafsu syahwat dan keinginan.

**2)- Membesarkan sunnah Rasulullah (sollallahu alaihi wasallam)**

Iaitu mencintai, memuliakan dan mengutamakan Allah taala dan menjadikan baginda pemimpin serta contoh teladan, serta beramal dengan sunnahnya dan menolak semua manhaj atau dasar serta jalan-jalan yang menyimpang dan bertentangan daripada petunjuknya.

**3)- Berlemah-lembut dengan makhluk**

Iaitu menunaikan hak-hak hamba Allah serta berlemah-lembut dengan mereka mengikut ajaran, taujihat dan pimpinan Rasul saw dengan memelihara kehidupan, harta, kemuliaan dan sebagainya yang menjurus kepada pergaulan yang baik dan kelangsungan kehidupan.

**4)- Sentiasa merasa bersama Allah**

Pada setiap masa dan ketika hendaklah hati dan batin sentiasa bersama Allah dengan penuh khusyuk dan juga dalam khayalannya iaitu dengan ertikata lain bahawasanya Allah sentiasa bersama kita dan melihat serta mendengar segalanya-galanya. Dengan demikian itu hendaklah kita sentiasa melakukan amalan-amalan yang betul dan sahih dalam kehidupan kita.

# Mencapai Redha Allah



**Keadaan-keadaan dan cara-cara yang bukan pilihan**
**Persoalan-persoalan dan jawapannya**

Apa yang ditulis di bawah ini bukan merupakan objektif dan tujuan sebenar:

1. Melihat mimpi yang indah dan baik
2. Melihat sesuatu yang tersirat(kasyaf) dan kejadian karamah
3. Ilham dan atau firasat dan seumpamanya
4. Melihat cahaya sewaktu berzikir dan merasa diri bersama Allah
5. Dapat mengamalkan pengubatan menggunakan ayat-ayat suci Al Quran
6. Mengawal perbuatan jin dan menghalaunya
7. Sembuh dari penyakit-penyakit hati/jiwa dan anggota badan
8. Meramal masa depan dan membaca fikiran manusia
9. Memohon pengetahuan tentang perkara-perkara dunia dan memperolehinya
10. Memohon ilmu pengetahuan dalam semua lapangan tanpa perlu bersusah-payah, begitu juga dalam amalan soleh dan kebaikan serta meninggalkan maksiat.
11. Tidak masuk perkara was-was di dalam fikirannya
12. Dikurniakan zuriat
13. Diminta untuk menghapuskan dosa dan kesalahan manusia sedangkan mereka sendiri bergelumang di dalam dosa
14. Berharap semoga dia tidak melakukan dosa maksiat kepada Yang Maha Pencipta selama-lamanya
15. Inginkan penghormatan dari manusia
16. Meingini agar keadaan-keadaan tersebut sentiasa menjadi pilihan
17. Merasa lazat dengan ibadah
18. Sebahagian daripada penafsiran dan perkara di atas adalah bertentangan dengan syariat seperti contoh: melihat atau menilik tangan manusia untuk meneka dan membaca masa depan begitu juga dengan membaca akal fikiran.
19. Walaubagaimana pun semua keadaan tersebut di atas bukanlah tujuan dan maksud sebenar. Sebahagian dari perkara di atas adalah baik dan terpuji manakala sebahagian yang lain pula ditolak.

**Maksud dan tujuan yang sebenar**

Semua perkara yang disebutkan terdahulu bukanlah maksud dan tujuan yang sahih dan betul. Adapun maksud dan tujuan yang utama ialah memperolehi redha Allah yang mana ianya akan diperolehi setelah mana seseorang itu mengikut cara hidup Nabi Muhammad (sollallahu alaihi wasallam) dalam semua keadaan samada percakapan,perbuatan dan sebagainya, baik malam ataupun siang. Contohnya seperti berikut:

**1-Aqidah**

Iaitu bagaimanakah akidah dan kepercayaan seseorang pada perkara yang bersangkut-paut dengan Allah taala, para malaikat, para rasul Nya dan kitab-kitab Nya serta hari kiamat.

**2-Ibadat**

Iaitu sembahyang, puasa, haji, zakat, zikir dan tilawah Al Quran.

**3-Muamalat**

Iaitu semua yang bersangkut-paut dengan hal kewangan, perniagaan dan adab-adabnya, perkilangan dan pembuatan barangan dan yang terdahulu dari semua itu ialah menjaga hak-hak kedua ibu-bapa, jiran, silaturrahim, dan hubungan sesama manusia.

**4-Pergaulan**

Iaitu cara dan bentuk kehidupan seperti makan, minum, pakaian dan tidur dan seumpamanya yang mana ia merupakan sunnah kehidupan.

**5-Akhlak**

Iaitu berusaha untuk memperolehi sifat-sifat batini Rasulullah (sollallahu alaihi wasallam) seperti :

- **Sabar**

Tidak menyalahi syariat pada waktu-waktu musibah dan senang/lapang, samada lisan percakapannya, anggota badannya ataupun hatinya.

- **Ikhlas**

Hendaklah segala perbuatan dan perkataannya ikhlas kerana Allah dan nbuykan kerana dunia.

- **Tawakkal**

Tawakkal kepada Allah subhanahu wa taala itu ialah bersandar dan bergantung kepada Nya serta menyerahkan segala perkara dan urusan kepadaNya.

- **Zuhud**

Iaitu memandang kecil terhadap dunia serta menghapuskan kesan-kesannya dari hati dan menjuruskannya ke arah akhirat seterusnya kepada Allah.

- **Syukur**

Iaitu menisbahkan dan memahami bahawa segala nikmat adalah anugerah pemberian ALLAH dan bukannya dari usaha kita. Dan tidak menggunakan nikmat tersebut dalam perkara maksiat dan menyalahi perintah Allah.

- **Zikir**

Hendaklah sentiasa hadir bersama Allah samada akal fikiran, jasad serta ruhnya dan sentiasa merasai bahawa Allah sentiasa mengawasinya dan menzahirkannya dengan lisan dan anggota badannya dengan sentiasa memuiji Allah dan mentaatiNya.

Sekiranya anda memperolehi hal-hal kelebihan yang baik daripada apa yang telah disebutkan tadi maka bersyukur dan angkatlah puji-pujian kepada Allah, seperti mimpi yang baik dan indah, merasa lazat dan seronok dalam ibadah dan mukasyafah. Sekiranya ia tidak memperolehi hal-hal kelebihan yang baik tersebut maka ibadahnya tetap sahih.

**Syarat untuk memperolehi keredhaan ALLAH**

Soalan: Apakah perkara pertama yang perlu saya lakukan di dalam jalan ini?

Jawapan: Untuk memulakan jalan menuju Allah wajib ke atas kamu menyempurnakan tiga syarat iaitu:

**1)- Aqidah yang sahih**

Beriman dengan aqidah yang sahih iaitu selari dengan aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah. Aqidah tersebut akan memandu dan menunjuki seseorang kepada perkara-perkara yang wajib dipercayainya dan perkara-perkara yang perlu dilakukan.

Terdapat tujuh perkara asas dalam aqidah iaitu:

- ✓ **1)- Allah**:

Beriman kepada zat Allah dan sifat-sifatNya dan tidak menyekutuiNya (tidak syirik) serta meyakini dengan Keesaan Allah taala bahawa tiada sesuatupun yang serupa denganNya dan bahawasanya Allah tidak boleh digambar dengan sesuatupun.

- ✓ **2)- Malaikat**:

Waijb ke atas kita beriman kepada malaikat dan mempercayai bahawa para malaikat dijadikan daripada cahaya , dan mereka sentiasa taat kepada Allah dan bahawasanya mereka tidak makan dan tidak minum dan mereka bukan perempuan dan bukan lelaki dan mereka tidak pernah mengingkari perintah Allah bahkan sentiasa mentaati perintah Allah.

- ✓ **3)- Kitab**:

Wajib beriman kepada semua kitab samawiyah yang diturunkan dari langit ke atas rasul-rasul sebelumnya akan tetapi yang wajib diikuti ialah kitab Al Quran sahaja, kerana kitab-kitab yang terdahulu telahpun di mansukhkan seperti : zabur, taurat dan injil.

- ✓ **4)- Rasul**:

Wajib beriman kepada semua Rasul dan Nabi yang diutuskan kepada ummat mereka serta mempercayai bahawa para Nabi dan Rasul adalah terpilih dikalangan manusia dan mereka tidak melakukan maksiat dan dosa. Akan tetapi wajib ke atas kita ummat akhir zaman untuk mengikuti jejak langkah Nabi Muhammad (sollallahu alaihi wasallam) yang merupakan Nabi dan Rasul akhir zaman serta penghulu sekelian para Nabi dan Rasul.

✓ **5)- Hari Akhirat**:

Wajib beriman kepada hari akhirat iaitu hari dihimpunkan semua manusia yang terdahulu dan terkemudian, dihidup dan dibangkitkan dari kubur untuk di hisab segala amalan mereka semasa hidup di dunia. Dan setelah dari itu orang-orang yang soleh akan di beri ganjaran dan dimasukkan ke syurga dengan rahmat dan kasih sayang Allah manakala orang-orang yang berdosa akan diazab dengan seadil-adilnya.

✓ **6)- Qada' dan Qadar**:

Wajib kepada kita beriman dan meyakini bahawa ilmu Allah meliputi segala sesuatu samada setiap zaman dan ketika atau setiap tempat dan keadaan. Dan bahawasanya Allah berkuasa ke atas segala sesuatu dan berkuasa melakukan apa yang Dia kehendaki. Segala amal perbuatan manusia adalah dalam pengetahuan Allah dan mengikut kehendakNya. Akan tetapi Allah memberi kebebasan untuk memilih kepada manusia dan Allah tidak memaksa . Dia akan redha dengan segala amal perbuatan baik dan soleh, dan memurkai segala perbuatan dosa dan mungkar. Dan pada hakikatnya Allah swt lah yang menjadikan segala sesuatu dan semua perbuatan. Dan segala yang baik dan buruk adalah ditangan Allah. Sesungguhnya Maha Suci Allah dari sifat-sifat yang mustahil dan kekurangan seperti tipu, zalim, lupa, tidur dan seumpamanya.

✓ **7)-Kehidupan setelah mati**:

Wajib mempercayai bahawa semua manusia akan di bangkitkan setelah mati, dan setelah dari itu akan bermulalah kehidupan baru bagi setiap manusia… kehidupan yang kekal abadi selama-lamanya.

**Penutup Kenabian**

Nabi kita saidina Muhammad (sollallahu alaihi wasallam) adalah penutup segala para Nabi dan Rasul. Dan sesiapa yang mendakwa kenabian setelah dari itu maka dakwaan itu adalah bohong dan tidak benar, dan ianya terkeluar dari aqidah yang sahih.

Dan sesungguhnya Nabi 'Isa alaihis salam, akan diturunkan dan akan melaksanakan hukuman dan undang-undang berlandaskan Al Quran dan Sunnah, akan tetapi beliau datang bukan sebagai Nabi, bahkan sebagai seorang muslim dan pengikut yang mengikut syariat Muhammadiyyah.(mengikut Nabi Muhammad (sollallahu alaihi wasallam)

**Para Sahabat dan Ahlul Bait**

Telah tetap bahawa khilafah setelah Rasulullah ((sollallahu alaihi wasallam)) yang pertama adalah kepada Sayyidina Abu Bakr As Siddiq sebagai tanda kelebihan dan keutamaan beliau ke atas sekelian ummat Islam, kemudian kepada Sayyidina Umar, kemudian kepada Sayyidina Uthman, kemudian kepada Sayyidina Ali bin Abi

Talib (rodhiAllahu anhum). Dan mereka ini adalah khulafa' ar-Raasyidun dan Imam-Imam yang menjadi ikutan. Dan Ahlul Bait, Sayyidah Fatimah. Sayyidina Hassan, Sayyidina Husain (rodhiAllahu anhum) adalah pembesar-pembesar dan ketua bagi penghuni-penghuni syurga. Dan semua isteri Rasulullah ((sollallahu alaihi wasallam)) adalah merupakan "ummahatul mukminin"(ibu sekelian orang islam) dan wajib ke atas setiap muslim menghormati mereka dengan kata-kata yang baik seperti Sayyidah Khadijah, Sayyidah Aisyah, Sayyidah Hafsah dan yang lain-lainnya(rodhiAllahu 'anhunna). Barang siapa yang membenci mereka atau menyebut sesuatu yang tidak baik terhadap mereka maka terlaknatlah dia. Adapun sesiapa yang mengkufurkan mereka maka jadi kafirlah dia. Wal'iyazubillahi minzalik

**Wali Allah**

Mereka ialah seorang yang al A'rif billah dan sentiasa menjaga kewajipan-kewajipan ke atas syariat dan sunnah , samada dari golongan lelaki ataupun wanita begitu juga mereka menjauhi perkara-perkara mungkar dan kejahatan serta meninggalkan kehidupan dunia dan memilih hidup akhirat. Maka seorang wali Allah akan sentiasa menjauhkan dirinya daripada dosa-dosa besar dan dosa-dosa kecil dan sentiasa merasa takut dengan pengakhiran yang buruk(kematian yang buruk). Mereka ini tidak menyaksikan wahyu, dan tidak juga diturunkan wahyu ke atas mereka dan di anugerahkan karamat kepada mereka , akan tetapi di dalam agama sesungguhnya istiqamah itu adalah lebih tinggi kedudukannya daripada karamat .

**Wali syaitan**

Mereka ialah orang-orang yang memerangi dan menolak syariat Nabi Muhammad (solAllahu alaihi wasallam), dan sama sekali mereka ini tidak akan menjadi wali Allah hanya semata-mata dengan zahirnya beberapa perkara atau perbuatan yang luar biasa pada diri mereka seperti kebolehan untuk terbang, berjalan di atas air, dapat membaca fikiran manusia atau apa-apa perbuatan lain yang seumpamanya dan bahwasanya mereka ini adalah wali-wali syaitan.

Bahawasanya meninggalkan sembahyang atau sembahyang jemaah tanpa keuzuran syarei', mencukur janggut, berkumpul dengan golongan bukan sejenis secara sembunyi dan melakukan hubungan haram dengan mereka, membaca tapak tangan, maka semua ini bukanlah sifat-sifat wali-wali Allah.

Dan bersandarkan kepada yang demikian itu maka dapat difahami bahawa sebarang penambahan yang bertentangan dengan agama atau perkara yang mengurangi syariat samada dengan perantaran mimpi atau atau mendapat ilham, maka ianya adalah ditolak dan tidak boleh berlaku dalam agama Islam. Dan sesiapa yang mendakwa memiliki perkara-perkara tersebut maka dia termasuk dalam pengikut-pengikut syaitan yang amat sesat dan menyesatkan.

Dan contoh lain golongan pengikut syaitan ini ialah seperti mereka yang tidak mengerjakan sembahyang secara zahir dengan anggota tubuh badan tetapi mendakwa dan menyangka ruh mereka berada di dalam ibadah yang berterusan dan mereka berkata bahawa "kami tidak berhajat kepada ibadah, taat dan sunnah disebabkan kami telah sampai kepada kepada tempat tujuan kami". Ya, mereka telah sampai ke tempat tujuan mereka, akan tetapi persoalannya di mana? Jawapannya: "Neraka serta kesesatan dan tidak hampir bahkan jauh dari redha Allah" (rujukan: Kitab 'Syarah Aqidah Thohawiyah', Kitab 'Al Fiqhul Al Akbar' dan Kitab 'Penyempurna Iman')

Ibnu Quddamah Al Maqdisi berkata di dalam Minhaj al-Qaasidin: "Tatkala telah sampai umur baligh seorang budak lelaki, maka perkara pertama yang wajib ia pelajari ialah kalimah syahadah dan faham akan maknanya sekalipun dia tidak memperolehinya dengan melihat atau dalil.

**Aqidah Islamiah yang wajib/fardhu ain ke atas setiap muslim mengetahuinya dan mempercayainya**

| Aqidah | Asas | 3Sederhana | Tinggi | Kitab yang dipelajari dalam tajuk-tajuk | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|
| ALLAH azza wajalla | | | | | |
| Malaikat | | | | | |
| Kitab-kitab | | | | | |
| Rasul-rasul | | | | | |
| Qiamat | | | | | |
| Qadar | | | | | |
| Akhirat (kehidupan setelah mati | | | | | |

## ILMU FIQH

**Soalan: Apakah syarat yang kedua?**

Jawapan: Iman dan Aqidah, kedua-duanya adalah kembali kepada hati dan fikiran seseorang dan bukan pada jasadnya. Adapun apa yang bersangkut-paut dengan jasad daripada perkara-perkara hukum yang zahir, maka ilmu tersebut dinamakan Ilmu Fiqh iaitu ilmu berkenaan dengan halal dan haram.

Perkara yang paling penting untuk diketahui oleh orang yang mengikut jalan ini ialah segala perkara-perkara fardhu dan wajib seperti bersuci, mandi, wudhuk, solat, zakat, puasa, haji, semua-perkara-perkara sunat, mustahab(yang disukai oleh ALLAH), makruh, haram dan fasad iaitu perkara yang merosakkan ibadat.

Ibnu Qudaamah al Maqdisi di dalam kitab Minhajul Qaasidin berkata: "Sekiranya datang waktu solat maka wajib ke atas kanak-kanak mempelajari cara bersuci dan sembahyang(solat), sekiranya dia hidup sehingga ramadhan wajiblah ke atasnya belajar berpuasa, sekiranya dia memiliki harta yang sudah mencukupi pusingan setahun(haul) nisabnya maka hendaklah dia belajar mengeluarkan zakat, sekiranya datang waktu mengerjakan haji dan dia memiliki kemampuan maka hendaklah dia belajar manasik iaitu ibadah haji.

| Fiqh | Fardhu | Wajib | Sunnah | Mustahab | Makruh | Fasad |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Istinja' | | | | | | |
| Wudhuk | | | | | | |
| Mandi | | | | | | |
| Solat | | | | | | |
| Puasa | | | | | | |
| Zakat | | | | | | |
| Haji | | | | | | |
| Umrah | | | | | | |
| Muamalat | | | | | | |

**Bertaubat dari perbuatan-perbuatan keji dan dosa-dosa lalu**

Soalan: Apakah syarat ketiga untuk memperolehi redha Allah?

Jawapan: Meninggalkan segala perbuatan yang buruk dan jahat pada masa lampau dengan taubat yang sebenar-benarnya.

Adalah amat baik sekali sekiranya seseorang itu menghabiskan baki usianya atau kehidupannya dengan mentaati Allah dan menjalani kehidupannya seiring dengan jalan atau cara hidup Rasulullah (sollallahu alaihi wasallam). Akan tetapi sekiranya seseorang itu pada masa lampaunya telah mengabaikan satu hak daripada hak-hak Allah atau satu hak daripda hak-hak Nabi (sollallahu alaihi wasallam) ataupun dia menzalimi dirinya sendiri atau makhluk yang lainnya maka wajiblah ke atasnya menunaikan hak-hak tersebut serta mengembalikan semula kepada ahlinya dan memohon kemaafan daripada mereka .

**Hak-hak Allah Azza Wajalla**

Soalan: Apakah dia hak-hak Allah?

Jawapan: Hak-hak Allah itu ialah:

1. Tidak mensyirikkkan Allah pada zat dan sifatNya.
2. Ibadah semata-mata kerana Allah bukan untuk menunjuk-nunjuk kepada manusia.
3. Mendirikan sembahyang dan memohon keampunanNya.
4. Berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan puasa wajib lainnya seperti puasa nazar serta mengqada' puasa-puasa wajib yang pernah ditinggalkan.
5. Mengeluarkan zakat apabila cukup nisab dan genap haul serta mengeluarkan zakat-zakat masa lalu yang telah diabaikan.
6. Mengerjakan haji apabila cukup kemampuan.
7. Melaksanakan nazar atau janji-janji yang telah dibuat dengan Allah Taala.

**Hak-hak Nabi Muhammad (sollallahu 'alaihi wasallam)**

Soalan: Apakah Hak-hak Nabi Muhammad (sollallahu 'alaihi wasallam) ?

Jawapan: Hak-hak Nabi Muhammad (sollallahu 'alaihi wasallam) yang besar ialah:

1)- Beriman kepada Rasul(sollallahu alaihi wasallam) dengan iman yang sempurna
2)- Cinta kepada Rasul(sollallahu alaihi wasallam) lebih dari cinta terhadap diri sendiri, ibu-bapa, anak-anak dan isteri.

3)- Memuliakan dan menghormati (sollallahu alaihi wasallam) dan semua yang bersangkut-paut dengan baginda iaitu agama, sunnah-sunnah, dan cara hidup baginda(sollallahu alaihi wasallam).

4)- Mengikut agama dan syariat serta sunnah Nabi Muhammad (sollallahu alaihi wasallam) iaitu mengikut cara kehidupan baginda (sollallahu alaihi wasallam).

5)- Berdakwah menyeru orang lain kepada agama, syariat, dan sunnah Nabi (sollallahu alaihi wasallam) serta menyebarkannya.

**Hak-hak jiwa(diri)**

Soalan: Apakah hak-hak jiwa/diri?

Jawapan: Hak-hak jiwa itu ialah:

1) Menyelamatkan manusia dari kemurkaan Allah dan api neraka.
2) Mengambil berat mengenai kesihatan diri.
3) Memberi tubuh badan kerehatan dan tidur yang cukup.
4) Mengambil berat tentang kebersihan.
5) Memakan makanan yang halal.

**Hak-hak sekelian makhluk yang lain**

Soalan: Apakah hak-hak sekelian makhluk yang lainnya?

Jawapn: Terdapat tiga kelompok yang bersangkut-paut dengan hak manusia:

1) Hak-hak harta: Bersangkut-paut dengan harta kekayaan dan pemilikian – Sekiranya pada masa lalu seseorang pernah memiliki harta kekayaan yang haram di sisi syara' seperti hasil curi, penipuan dan sebagainya, maka hendaklah dia mengembalikannya kepada tuan punya harta tersebut ataupun kepada warisnya(anak-anak atau saudara-mara sekiranya pemilik harta tersebut sudah mati) dan hendaklah memohon kemaafan dan keampunan dari mereka sekalipun dengan terpaksa merayu dari yang empunya hak.

2) Hak-hak tubuh badan: Sekiranya seseorang itu pernah menceroboh hak-hak peribadi seseorang samada berbentuk jasmani, perbuatan atau perkataan seperti mengumpat, mencela, memfitnah, menipu, dan sebagainya, maka hendaklah dia meminta kemaafan dari tuan punya diri.

3) Hak-hak yang bersangkut-paut dengan kemuliaan: Sekiranya dosa tersebut bersangkut-paut dengan kemuliaan seperti tuduhan dusta, memfitnah, menjatuhkan maruah dan sebagainya maka wajiblah dia memohon kemaafan dari tuan punya diri.

**Perhatian:** Tidak memadai bagi manusia itu sekadar memohon kemaafan dan mendapat kemaafan dari manusia bahkan wajib ke atasnya beristighfar memohon keampunan dari tuhannya.

Sekiranya dia membunuh haiwan, burung atau serangga dengan cara menyiksanya dan tanpa hak, maka wajiblah dia memohon keampunan dari tuhannya.

Dan akhirnya, wajiblah dia merenung kembali ke dalam dirinya dan dan memohon kemaafan dan keampunan dari Allah di atas segala perbuatannya dengan berkata:
"Wahai Tuhanku…segala hak-hak makhluk yang telah aku langgari dan rosakkan, aku mohon keampunan maka ampunilah aku dan rahmatilah aku. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".

| **Hak yang berkaitan dengan** : | **Hak-hak ALLAH dan hamba** | **Manhaj** |
|---|---|---|
| ALLAH | Tauhid, ikhlas, solat, puasa, zakat,haji, janji, nazar, cinta,<br>sifat kehambaan | |
| Rasulullah (sollallahu alaihi wasallam) | Iman, cinta, hormat, penghormatan, mengikut sunnah, dakwah,<br>menyampaikan. | |
| Hak diri | Menyelamatkan diri dari azab akhirat, mengambil berat tentang kesihatan, berusaha mencari rezeki halal, suci dan bersih | |
| Hak manusia | Harta, kehormatan diri, menunaikan janji/amanah | |
| Sekelian makhluk, persekitaran, tanah, dan sumber-sumber tabie’ | Belas kasihan, tidak menyiksa, tidak membazir, memelihara nikmat, tidak melakukan kerosakan pada alam | |

## Kepentingan menunaikan Hak-hak Allah dan makhluk




*Diagram di atas menunjukkan keadaan seseorang yang melanggar hak-hak manusia pada masa lalu seperti hak-hak harta, maruah, kesihatan dan sebagainya. Maka hendaklah dia pulangkan semula harta yang telah diambil dan memohon kemaafan dari tuannya, begitu juga dengan dosa-dosa yang lain hendaklah dia memohon kemaafan dari tuan punya diri. Dan dari sudut lain, segala pahala ibadah yang dia lakukan tidak membawa dia lebih hampir kepada Allah disebabkan dosa-dosa yang dilakukan kerana pahala-pahala tersebut telah berpindah kepada orang lain yang dia lakukan dosa kepadanya.*

## At Taubah

**At Taubah**: Maknanya dari segi bahasa ialah kembali atau berpatah balik. Dan dari sudut syara' bererti kembali dari kehidupan yang penuh dengan dosa kepada jalan yang hak dan kebaikan. Atau dengan istilah lainnya kembali atau berpatah baliknya seseorang hamba itu dari kehidupan yang penuh dengan dosa kepada kehidupan yang solehah dan baik, dari jalan menuju ke neraka kepada jalan menuju ke syurga, dari dunia kepada akhirat, dari mentaati syaitan kepada mentaati Allah dan Rasul Nya (sollallahu alaihi wasallam), dari kemurkaan Allah kepada redha dan rahmat Allah dan dari semua jalan yang meyimpang dari kebenaran kepada jalan kebenaran. Dan jalan ini di namakan sebagai jalan yang lurus dan disinilah bermulanya permusafiran.

Adalah sayugia bagi seorang yang ingin bertaubat agar dia berwuduk dengan cara yang betul dan sembahyang sunat taubah sebanyak dua rakaat, kemudian hendaklah dia mengingati segala dosa maksiat yang pernah dilakukan dengan penuh penyesalan dan air mata dan bertawajjuh kepada Allah dengan sepenuh hati sambil berkata: "Wahai Tuhan ku…Sesungguhnya tiada tuhan yang wujud melainkan Engkau dan tidak ada sesiapa yang dapat mengampunkan dosa-dosaku ini melainkan Engkau. Maka dengan rahmat dan kebesaranMu ampunkanlah daku dan peliharalah daku dari dosa-dosa maksiat pada masa akan datang".

Dan jangan lupa untuk berselawat ke atas Nabi (sollallahu alaihi wasallam) sebelum dan selepas solat taubat. Dan waktu yang afdhal adalah bahagian yang terakhir daripada malam, kerana pada waktu ini sebagaimana yang disebutkan di dalam hadis bahawasanya Allah Taala menyeru dan memanggil siapakah dikalangan hambaNya yang ingin bertaubat.

**Tidak putus dari taubat atau melambat-lambatkannya:**

Adalah merupakan satu perkara yang penting bagi seseorang yang ingin bertaubat agar memenuhi syarat-syarat yang akan diosebutkan sebentar lagi dan berazam dengan keazaman yang kuat untuk tidak kembali semula melakukan maksiat.Akan tetapi sekiranya dia tidak mampu untuk meninggkan maksiat maka apa yang penting ialah dia tidak putus atau tidak berhenti dari bertaubat kerana Allah Taala suka kepada hamba-hambaNya yang bertaubat. Adapun 'al Ismah' (terpelihara dari dosa) adalah kepada para Nabi ('alaihis salam) dan para malaikat sahaja.

**Tipu-daya syaitan yang bersangkut-paut dengan taubat:**

Iaitu berterusannya seseorang di dalam kesalahan dan dosa tanpa melakukan taubat sambil mengharapkan kemaafan dan keampunan, sedangkan pada hakikatnya ia telah ditipu, diperbodohkan dan dipermainkan oleh syaitan.
Sesungguhnya 'tawakkal' serta mengambil sebab musabab dan menyerahkan natijahnya kepada Allah Azza wajalla adalah merupakan jalan dan cara yang betul.

Satu-satunya harapan seseorang yang menanam buah-buahan dan tanam-tanaman ialah selepas dia menyemai biji benih, dan taubah itu diumpamakan seperti menyemai benih dan pengampunan itu diibaratkan seperti bunga atau putik buah-buahan.

**Sehingga bilakah seseorang itu boleh bertaubat?**

Seseorang itu boleh bertaubat sehingga sampai detik permulaan bagi kematiannya, sebelum ditarik keluar ruh dari badannya iaitu ketika mula ia bernafas dengan cara yang luar dari kebiasaan.(ini adalah taubat perseorangan). Dan juga pintu taubat akan tertutup bila hampir hari kiamat iaitu ketika terbit matahari dari sebelah barat(pada peringkat ini tertutupnya pintu taubat secara umum bagi seluruh manusia).

**Syarat-syarat Taubat:**

1) Meninggalkan dosa serta-merta.
2) Menyatakan penyesalan serta menghina diri dengan mengakui dosa-dosa maksiat yang dilakukan dan merasai bahawa Allah berkuasa untuk menghukumnya.
3) Berazam dengan azam yang kuat untuk tidak kembali melakukan maksiat semula.
4) Sekiranya anda melanggar hak-hak Allah dan Nabi (sollallahu 'alaihi wasallam) atau apa jua makhluk maka wajiblah ditunaikan kewajipan/ melaksanakan hak-hak tersebut beserta iltizam dengan hukum-hukum syara'

**Faedah-faedah dan kelebihan-kelebihan melakukan bertaubat:**

1) Ikhlas- meninggalkan dosa kesalahan kerana Allah dan jalanNya dan bukan kerana takut dicela atau dihina oleh orang lain.
2) Bukanlah termasuk dalm kontek ikhlas sekiranya seseorang meninggalkan dosa kesalahan atas sebab tugasannya atau tanggungjawabnya.
3) Tidak dikira sebagai taubat yang ikhlas jika seseorang meninggalkan dosa kesalahan untuk maslahah atau kepentingan orang lain.
4) Tidak termasuk dalam taubat yang hakiki jika seseorang meninggalkan dosa kesalahan dengan tujuan untuk menjauhkan dirinya dari penyakit atau takut ditimpa sakit atau untuk sembuh dari penyakit. Contohnya seseorang menjauhi zina kerana takut terkena HIV.
5) Bukanlah taubat yang ikhlas jika seseorang berhenti dari mencuri kerana dia tidak mengetahui bagaiman jalan atau cara untuk masuk ke rumah orang lain atau takut kalau ditangkap oleh pengawal atau polis.
6) Tidak termasuk di dalam golongan orang yang bertaubat kiranya seseorang meninggalkan arak dan minuman keras atau makanan haram disebabkan oleh kefakiran atau tidak bekemampuan untuk membelinya.

**Manfaat yang diperolehi sekiranya seseorang tetap dan berterusan di dalam taubat**

1) Seseorang yang bertaubat wajiblah ke atasnya bertaubat zahir dan batin. Secara zahirnya ialah hendaklah dia meninggalkan dosa kesalahan tersebut. Dan batinnya hendaklah dia menghindarkan perasaannya dari merasa tenang dan selesa dengan dosa yang pernah dilakukan dan membuang segala keinginan untuk melakukan maksiat tersebut pada masa depan, sekiranya dia tidak membersihkan hati dan perasaannya kelak dia akan terjebak semula ke dalam kancah maksiat tersebut.
2) Hendaklah meninggalkan maksiat yang nampak kecil dan ringan kerana maksiat yang kecil dan ringan itu sekiranya diremeh-remehkan akan membawa kepada dosa besar. Contohnya seperti bersentuhan-sentuhan atau bercampur gaul dengan bukan mahram boleh membawa kepada berlakunya zina.
3) Menghilang dan membuang segala wasilah yang boleh membawa kepada maksiat dan kelalaian seperti televisyen, alat-alat muzik, alcohol dan seumpamanya.
4) Meninggalkan persekitaran dan tempat-tempat yang boleh mengundang kepada maksiat.
5) Meninggalkan rakan-rakan yang mengajak kepada maksiat atau boleh membawa kepada melakukan maksiat dan mencari sahabat yang baik, soleh dan warak yang boleh membantu dirimu untuk hampir kepada Allah dan menjadi manusia yang baik dan memberi kebaikan kepada orang lain.
6) Sesetengah manusia suka menangguh-nangguhkan taubat sehingga hampir dengan mati dan terkadang hingga tertutup atau mati hatinya untuk bertaubat. Haruslah diingat bahawa menangguh-nangguhkan taubat adalah juga satu kesalahan. Maka wajib juga bertaubat atas kesalahan itu.
7) Sepatutnya bagi seseorang yang bertaubat agar sentiasa merasa bimbang sekiranya terdapat kekurangan dalam taubatnya dan hindarkan dirinya dari menyangka bahawa dia pasti mendapat keampunan Allah, bahkan hendaklah dia terus bermunajat dan mengharapkan agar Allah sentiasa menerima taubatnya dan merahmatinya serta hendaklah dia sentiasa merendahkan diri kepada Allah.
8) Hendaklah dia selalu menyertai kelompok-kelompok yang sedang berzikir kepada Allah, halaqah-halaqah pengajian dan seumpamanya begitu juga sering menziarahi kubur untyuk mengingatkan dirinya kepada hari akhirat.
9) Wajib ke atasnya mendekatkan diri dengan orang-orang soleh dan bertaqwa dan mengambil contoh teladan dan petunjuk yang boleh membantunya untuk membersihkan jiwa dan hampir kepada Allah.
10) Hendaklah dia menggunakan kekuatan dan tenaganya untuk berkorban di jalan Allah, dan seharusnya dia mula memeliharanya dari sekarang melalui cara-cara dan wasilah-wasilah yang di haruskan oleh syara'.

## Permulaan jalan

Setelah mana seorang muslim selesai memperolehi perkara-perkara yang telah disebutkan tadi iaitu mempelajari masalah-masalah dharuri (penting dan tidak boleh tidak) di dalam agama seperti ilmu aqidah dan fiqah serta menunaikan hak-hak Allah dan hamba, maka wajiblah ke atasnya selepas melalui peringkat ini agar mengikhlaskan niatnya untuk mendapatkan redha Allah dan memperolehi syurga dan bukan untuk mendapat kemahsyuran atau mendapatkan keuntungan-keuntungan dunia.

## Peringkat-peringkat Jalan

## Peringkat Pertama-PENYUCIAN ANGGOTA TUJUH

Percubaan ke arah 'penyucian tujuh anggota badan' ialah kedua mata, kedua telinga, lidah (mulut), kedua kaki, kedua tangan, kemaluan dan perut. Dan melalui anggota-anggota inilah seseorang itu akan memperolehi redha Allah atau sebaliknya.
Ketika mana seorang melakukan dosa dengan salah satu dari anggota badannya akan tertompoklah di dalam hatinya satu titik hitam. Sekiranya dia tidak segera bertaubat akan merebaklah kesan maksiat itu ke dalam hatinya maka yang demikian itu akan menyebabkan dia hilang kebolehan membezakan antara yang hak dan yang batil, benar dan salah dan akan butalah mata hatinya.

Seseorang yang menempuh jalan ini akan diberi kertas yang terkandung di dalamnya semua jenis dosa dan pembahagian-pembahagiannya ke atas anggota-anggota badan yang lahir darinya dosa-dosa ini, dan dia akan diarahkan supaya mencatat hal keadaan dia meninggalkan maksiat bagi semua anggota ini. Dan tugasan menggunakan kertas jadual ini berlangsung selama tiga puluh hari berturut-turut. Dan diminta kepada murid yang melalui jalan ini agar meninggalkan dosa setiap hari dan juga sepanjang hari dari subuh sehingga malam.

Pada percubaan pertama program murid hendaklah meletakkan tanda betul dalam kotak kecil empat segi sekiranya dia berjaya meninggalkan maksiat. Dan dalam keadaan dia melakukan salah satu maksiat sebelum sempurna tiga puluh hari, hendaklah murid tersebut berhenti dan melakukan percubaan kedua dengan mengulang semula percubaan program tersebut dari awal. Dan begitulah seterusnya sehingga dia berjaya menyempurnakan program sebagaimana yang diminta.

Dan dengan demikian akan bersihlah seluruh anggotanya dan juga terlatih dalam meninggalkan maksiat. Syeikh akan menasihati murid dalam mengikut manhaj yang sama bagi anggota-anggota yang lain sehingga ia menjadi suci bersih dan kegelapan dosa akan terhakis.

Dalam keadaan murid melakukan maksiat dan melanggar syarat-syarat program latihan penyucian anggota yang terdapat di dalam kertas yang diberikan akan tetapi maksiat tersebut berlaku bukan dengan kehendak dan keinginannya bahkan ia berlaku tanpa disengajakan, maka dalam keadaan seperti ini murid tidak perlu meletakkan tanda ‘salah’ atau ‘pangkah’ dan tidak perlu berhenti dari program latihan bahkan hendaklah dia meneruskannya.
Sekiranya berlaku maksiat dengan sengaja maka pada ketika itu hendak dia meletakkan tanda pangkah dan berhenti serta mengulang semula program latihan dari awal bagi percubaan yang seterusnya.

Dan hendaklah murid mengerjakan solat taubat dua rakaat dan memohon keampunan dari Allah beserta menyempurnakan syarat-syarat taubat.

Sebagai contoh, apa yang disebutkan oleh ibnu Qayyim al Jauziyyah di dalam kitab Madariju as Salikin mengenai beberapa perkara terlarang bagi pendengaran: “Dan haram ke atasnya mendengar perkara kufur dan bid’ah melainkan sekiranya ada maslahah yang jelas…. Begitu juga mendengar suara perempuan yang bukan mahram yang dibimbangi menimbulkan fitnah dengan suaranya.. begitu juga mendengar dan alat-alat dan perkara-perkara yang melalaikan......"

قال رسو الله- صلى الله عليه وسلم- (( إِنَّ مَثَلَ الَّذِي يَعْمَلُ السَّيِّئَاتِ ثُمَّ يَعْمَلُ الْحَسَنَاتِ كَمَثَلِ رَجُلٍ كَانَتْ عَلَيْهِ دِرْعٌ ضَيِّقَةٌ قَدْ خَنَقَتْهُ ثُمَّ عَمِلَ حَسَنَةً فَانْفَكَّتْ حِلْقَةٌ ثُمَّ عَمِلَ حَسَنَةً أُخْرَى فَانْفَكَّتْ حِلْقَةٌ أُخْرَى حَتَّى يَخْرُجَ إِلَى الْأَرْضِ )) مسند أحمد

Maksud Hadis:
Bersabda Rasulullah (sollallahu ‘alahi wasallam): “Sesungguhnya perumpamaan seorang yang melakukan kejahatan kemudian dia melakukan kebaikan seperti seorang lelaki yang memakai baju perisai yang ketat dan mencekik kerongkongnya, kemudian bila dia melakukan kebaikan maka terbukalah satu ikatan/ butang, kemudian bila dia melakukan kebaikan yang lain maka terbukalah pula ikatan yang lain sehingga dia boleh bebas keluar ke muka bumi”.

عَنْ عَبْد اللهِ بْنِ مَسْعُوْدٍ قَالَ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ – صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ – فَقَالَ يَا نَبِيَّ اللهِ إِنِّي أَخَذْتُ امْرَأَةً فِيْ الْبُسْتَانِ فَفَعَلْتُ بِهَا كُلَّ شَيْءٍ غَيْرَ أَنِّيْ لَمْ أُجَامِعُهَا قَبَلْتُهَا وَلَزِمْتُهَا وَلَمْ أَفْعَلْ غَيْرَ ذَلِكَ فَافْعَلْ بِيْ مَا شِئْتَ ، فَلَمْ يَقُلْ لَهُ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَيْئًا فَذَهَبَ الرَّجُلُ ، فَقَالَ عُمَرَ لَقَدْ سَتَرَ اللهُ عَلَيْهِ لَوْ سَتَرَ عَلَى نَفْسِهِ ، قَالَ فَأَتْبَعَهُ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَصَرَهُ فَقَالَ رُدُّوْهُ عَلَيَّ فَرُدُّوْهُ عَلَيْهِ فَقَرَأَ عَلَيْهِ " وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرَفَيِ النَّهَارِ وَزُلَفًا مِنَ اللَّيْلِ إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُذْهِبْنَ السَّيِّئَاتِ" إلى { الذاكيرين} فَقَالَ مُعَاذُ بْنُ جَبَالِ أَلَهُ وَحْدَهُ أَمْ لِلنَّاسِ كَافَةً يَا نَبِيَّ اللهِ فَقَالَ : لِلَّناسِ كَافَةً )). مسند أحمد

Maksud Hadis:

Daripada ibnu Mas'ud (rodhiallahu 'anhu) berkata: "Telah datang seorang lelaki kepada Nabi (sollallahu 'alahi wasallam)- lalu berkata: "Wahai Nabi Allah sesungguhnya saya telah membawa seorang wanita ke dalam taman kebun dan saya telah melakukan semua perkara kecuali jimak. Saya telah menciumnya dan memeluknya dan saya tidak lakukan selain dari itu, maka lakukanlah (hukum) saya terhadap saya apa sahaja yang baginda mahu. Baginda Rasulullah (sollallahu 'alaihi wasallam) tidak berkata apa-apa, maka beredarlah lelaki tersebut, dan berkata Umar: "Sesungguhnya Allah menutup(aib/kesalahan) lelaki tersebut sekiranya dia menutup(aib/kesalahan) dirinya sendirinya dan beliau berkata bahawa Rasulullah (sollallahu 'alaihi wasallam) mengikuti lelaki tersebut dengan pandangan mata baginda sambil berkata kembalikan lelaki itu kepada ku, maka maka mereka(sahabat) mengembalikan lelaki tersebut kepada Rasulullah (sollallahu 'alaihi wasallam), lalu membaca kepadanya ayat al Quran yang bermaksud: "Dirikanlah sembahyang pada dua penghujung waktu siang dan sedikit pada waktu malam, sesungguhnya kebaikan itu memadamkan kejahatan. Itu adalah peringatan kepada orang-orang yang mahu menerima peringatan /nasihatt)" (11:114). Kemudian Muaz bin Jabal bertanya: "Apakah peringatan ini kepada lelaki itu sahaja atau kepada semua manusia?" Baginda bersabda: "Bahkan untuk semua manusia(peringatan tersebut)."

# PERINGKAT PERTAMA
# PENYUCIAN ANGGOTA BADAN YANG TUJUH




keadaan hati sewaktu dilahirkan, ini adalah sebelum berlaku pencemaran yang berpunca dari maksiat, dosa dan kejahatan.




keadaan hati seperti baru dilahirkan, ini ketika berpindahnya insan dari kufur kepada Islam atau ketika ia bertaubat dari dosa yang dilakukan




keadaan hati yang gelap, iaitu hati orang kafir sewaktu ia seorang kafir




kesan maksiat ke atas hati sewaktu insan melakukan maksiat




Hati yang gelap ketika tenggelamnya insan di dalam maksiat




Hati jadi bersih dengan zikir dan sembahyang untuk tempoh waktu yang singkat




Ini kesan dari kegelapan ketika hati insan masih dimasuki maksiat dan dosa yang berpunca dari anggota yang tujuh, maka akan kembalilah semula penyakit ke dalam hatinya




Keadaan hati ketika insan menahan dirinya dari maksiat dengan seluruh anggota badan pada satu waktu




Hati jadi gelap sekali lagi disebabkan tidak ada kekuatan ruhani




Keadaan hati setelah tertutupnya jalan masuk bagi hati yang sakit. Ini akan mengurangkan kesan dosa ke tahap yang terendah




Kesan bersihnya hati disebabkan tertutupnya jalan masuk yang lain dan dalam masa yang sama ruang hati yang bersih bertambah dan kesannya berkembang dengan tenang ke bahagian lain




Tertutupnya jalan-jalan masuk ke hati satu demi satu. Terhentinya pengaliran kegelapan hati dan di sana kekallah hati dalam keadaan bersih, dan kesannya ialah zikir dan sembahyang



©TAREEQAH MUHAMMADIYAH

# Dosa yang bersangkut-paut dengan bahagian-bahagian tubuh badan



## **Peringkat Kedua - PENYUCIAN AKAL FIKIRAN**

Anggota tubuh badan yang tujuh boleh terjerumus melakukan maksiat apabila was-was masuk ke dalam fikiran seseorang manakala hatinya yang membuat keputusan samada ingin melakukan perbuatan dosa tersebut ataupun tidak. Pada peringkat permulaan biasanya was-was masuk dalam bentuk yang kecil atau sedikit sahaja dan dapat dipadam dan dihilangkan api kejahatan dengan mudah dan seseorang dapat memelihara dirinya. Akan tetapi sekiranya seseorang membenarkan was-was masuk ke dalam akal fikirannya maka kejahatan was-was akan akan menyibukkan fikiran dan mindanya dengan dosa dan kemudian menguasainya dan seterusnya fikiran akan mula menghantar arahan-arahannya kepada semua anggota badan untuk melakukan dosa maksiat.

Dalam peringkat ini terdapat sepuluh (10) tahap yang perlu dilalui oleh murid. Murid akan diminta untuk melakukan latihan secara terus-menerus selama tiga puluh hari untuk mengeluarkan was-was syaitan dan bisikan kejahatan dan juga bagaimana cara merawatnya ketika ia datang. Pada peringkat ini seseorang akan belajar untuk berterusan istiqamah dan menjaga zikir. Dan pada akhirnya, setelah murid selesai menempuh kesemua sepuluh tahap ini maka fikirannya akan ikhlas kerana Allah dan tetap dalam mengingati Allah dan Rasul-Nya(sollAllahu 'alahi wasallam). Dan dengan itu bererti ia telah menyelamatkan dirinya dari dosa.

### Tahap-tahap Penyucian Fikiran dan Lintasan

#### *Tahap 1*

Jangan masukkan was-was ke dalam diri dengan sengaja, sekiranya ia masuk dari syaitan dan nafsu maka janganlah dibiarkan ia berpanjangan dan menular bahkan hendaklah memohon pertolongan Allah dan kembali kepada Nya serta terus berfikir kepada Zat Allah dan Rasul-Nya serta akhirat atau dia melakukan apa-apa pekerjaan dunia yang harus dilakukan. Maka sesungguhnya seseorang itu sekiranya dia tidak menyibukkan dirinya dengan mengingati Allah dan perkara-perkara yang disebutkan tadi dan tidak berusaha untuk memerangi was-was maka was- was tersebut akan terus menyerangnya.

***Contoh:***

Seorang yang berfikir untuk melakukan sesuatu maksiat, maka hendaklah ia berdoa kepada Allah mohon dipelihara daripada terjebak ke dalam maksiat, kemudian selepas dia menyedari bahawa was-was masuk dengan kehendak Allah dan dia dapat menangkisnya atau mungkin dia boleh berfikir pada sesuatu yang harus, dan begitu juga hendaklah dia berkata:"Aku beriman dengan Allah dan Rasul-Nya"

#### *Tahap 2*

Sembahyang dan membaca al Quran boleh membantu seseorang itu mengingati Allah ketika mana kesibukan dunia menyibukkan dia dan menyebabkan dia lupa mengingati Allah(zikrullah). Semua pekerjaan-pekerjaan dunia ada ciri-ciri manfaat

dan mudharat dengan kehendak Allah. Maka dalam hal ini sepatutnya bagi seseorang itu agar berdoa kepada Allah di dalam hatinya mohon Allah memeliharanya daripada kejahatan yang mana ianya akan mengheret dia kepada lalai dan lupa kepada Allah. Maka ini merupakan cara atau sebab yang mengikat dia dengan Allah.

***<u>Contoh:</u>***

Ketika keluar seseorang dari rumahnya hendaklah dia berdoa kepada Allah: "اللهم احفظ الآخرين من شري وبارك لي في عملي واحفظني من شر الآخرين" Bermaksud: "Ya Allah peliharalah orang lain dari kejahatanku dan berkatilah aku dalam pekerjaanku dan peliharalah aku dari kejahatan orang lain" . Dan ketika ditimpa musibah hendaklah berdoa kepada Allah mohon direzekikan kesabaran dan dijauhkan dari musibah tersebut dan menjadikan ia sebagai penghapus dosa-dosanya.

***Tahap 3***

Pada peringkat ini sepatutnya seseorang itu menggambarkan di dalam hatinya dan fikirannya bahawa Allah sentiasa bersamanya. Dan sebelum melakukan apa-apa perkerjaan dunia dan agama hendaklah meminta izin kepada Tuhannya dan sebelum melakukan apa-apa pekerjaan hendaklah dimulakan dengan nama Allah (بسم الله الرحمن الرحيم). Dan setiap kali dia lupa kepada Allah hendaklah dia kembali mengingati Allah dan bertafakkur sekali lagi.

***<u>Contoh:</u>***

Sebelum melakukan sebarang pekerjaan seperti sembahyang atau zikir, hendaklah dia berkata di dalam hatinya: "Ya Allah izinkanlah aku melakukan pekerjaan ini dan berkatilah aku padanya".

***Tahap 4***

Di peringkat ini selepas mana dia teguh/sentiasa hadir bersama Allah maka hendaklah dia mula berzikir dengan zikir-zikir dan doa-doa yang dibaca oleh Nabi (sollallahu 'alaihi wasallam) dan mengikut jalan baginda.

***<u>Contoh:</u>***

Ketika melakukan amalan-amalan yang dilakukan oleh baginda Nabi(sollallahu 'alaihi wasallam) hendaklah seseorang itu membaca dan mengulang zikir-zikir dan doa-doa tertentu yang dibaca oleh Nabi(sollallahu 'alaihi wasallam) beserta dengan hadir bersama Allah seperti zikir/doa makan, minum, keluar rumah, masuk ke pasar, masuk kereta, masuk rumah, berniaga dan sebagainya.

***Tahap 5***

Di peringkat ini seseorang itu berterusan hadir bersama Allah secara terus-menerus dan bersambung di mana setiap detik dan ketika serta di setiap tempat dia merasai Allah melihatnya dan mendengarnya. Sekiranya berlalu waktu dan dia tidak hadir bersama Allah maka dia akan tulis pada kertas(sebagai tanda) sehingga dia dapat mengetahui di dalam dua puluh empat jam berapa kalikah dia hadir bersama Allah dan berapa kali dan waktukah dia lupa dan lalai kepada Allah .

***Tahap 6***

Allah Taala berfirman: “ (إن في خلق السموات والأرض والختلاف الليل والنهار لآيات لأولي الباب)”: Bermaksud:“ Sesungguhnya pada penciptaan malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal”. Ayat tersebut menunjukkan kepada Maha Pencipta, di mana pada peringkat ini seseorang itu bertadabbur memikirkan tentang hal penciptaan dan kejadian makhluk dengan cara di mana semua benda-benda ini turut membantunya untuk mengingati Allah. Setiap hari dia akan tulis tujuh perbuatan yang akan diambil darinya pengajaran.

***<u>Contoh:</u>***

Sekiranya anda sakit maka itu adalah tanda bahawa kehidupan itu sementara. Sesungguhnya sakit dan sihat itu di tangan Allah. Dan demikianlah manusia yang cuai dengan urusan agama disebabkan kesibukan mereka dengan urusan dunia, di mana dia mengingini akan tetapi perkara-perkara dunia tidak pernah selesai dan sempurna.

***Tahap 7***

Memikirkan sesuatu yang positif dan baik:

Di peringkat ini seseorang itu akan melatih fikirannya dan mindanya untuk berfikir secara positif kerana manusia sering mendapat faedah dan manfaat dari buah fikiran yang positif dan dia akan memperolehi nikmat hampir dan dekat dengan Allah iaitu apa yang di namakan sebagai ‘husnu dzon’(baik sangka dengan Allah). Ianya terbahagi kepada tiga bahagian:

1- Berbaik sangka dengan Allah Azza Wajalla
2- Baik sangka dengan Rasulullah(sollallahu ‘alaihi wasallam)
3- Baik sangka dengan orang-orang mukmin

Sepanjang hidup manusia, terdapat kejadian-kejadian dan peristiwa yang bermacam-macam dan berbeza-beza yang dihadapinya begitu juga dia bertemu dengan ramai orang yang bermacam-maca rupa, sikap dan keadaan, dan kadang kala dia menghadapi keadaan-keadaan yang menyenangkan dan tidak menyenangkan samada dari segi tindak-tanduk seseorang mahu pun buah fikirannya. Maka pada peringkat ini seseorang itu tidak mesti tidak hendaklah dia melihat keadaan dan kejadian yang berbeza-beza tersebut dengan pandangan positif, dengan syarat bahawa ianya bukanlah sesuatu yamg maksiat.

***<u>Contoh:</u>***

1) Anda sedang menghadapi masalah akan tetapi ada seseorang yang tidak mahu membantu atau memberi bantuan, maka dalam keadaan seperti ini janganlah anda marah dan janganlah membencinya akan tetapi fikirlah begini : ‘ mungkin seseorang itu sekiranya dia menolongku mungkin atas rasa kasihannya kepadaku dan bukan hak aku untuk mendapatkannya’ dan mungkin kerana dia juga ada masalah atau dia tidak ada cara untuk menolongmu. Maka dengan berfikir begini akan mencegah kebencian untuk masuk ke dalam hati manusia bahkan sebaliknya iaitu mendoakan untuknya.

2) Anda sedang musafir dan kereta anda rosak di pertengahan jalan, maka janganlah anda berfikir dan mempersoalkan apa yang telah anda lakukan sehingga menyebabkan kereta rosak atau janganlah orang-orang yang ikut serta dalam musafir itu berkata-kata dengan marah atas apa yang berlaku. Malahan hendaklah hendaklah berfikir pada kebesaran dan kelebihan Allah yang menghendaki ianya berlaku, iaitu pada kebiasannya keretaku tidak rosak maka mungkin barangkali kejadian tersebut dalam pengetahuan Allah adalah baik untukku dan Allah memelihara ku dari musibah atau masalah yang lebih besar yang aku tidak tahu. Dan bahawasanya kemarahan tidak akan menyelesaikan masalah bahkan akan merosakkan keadaan.

***Tahap 8***

Pada peringkat ini seseorang itu melatih dirinya agar tidak berfikiran negative pada perkara-perkara atau kejadian-kejadian yang berlaku samada yang bersangkut-paut dengan dirinya atau tidak. Akan tetapi sekiranya masuk lintasan buruk(fikiran negative) ke dalam dirinya dengan tidak sengaja maka jangan biarkan ia menetap di dalam hati akan tetapi cubalah berfikiran positif maka segala lintasan buruk dan fikiran negative itu akan tertolak.

***Contoh:***

Pada perkara yang bersangkut-paut dengan nikmat-nikmat dunia, maka jangan pusatkan fikiran anda pada apakah harta seseorang itu banyak atau sedikit jikadibandingkan dengan harta anda, bahkan hendaklah dilihat bahawa ianya sedikit. Begitu juga dari sudut keagamaan, hendaklah dilihat bahawa orang lain lebih bertaqwa dari anda dan bukan kurangnya maksiat seseorang itu dari anda.

***Tahap 9***

Cinta kepada Rasul dan mentaatinya:

Pada peringkat ini seseorang itu belajar tentang sirah Nabi Muhammad (sollallahu 'alaihi wasallam) dan syamail baginda serta sentiasa berfikir mengenai baginda Nabi tercinta dan dengan perantaraan cinta terhadap kekasih Allah, maka seseorang itu akan memperolehi cinta Allah. Dan dia juga hendaklah mengikut sunnah Nabi (sollallahu 'alaihi wasallam) dalam segenap sudut kehidupannya, maka ia akan menghabiskan malam dan siangnya seolah-olah Nabi (sollallahu 'alaihi wasallam) ada bersama-samanya.

***Contoh:***

Mengikut cara tidur, makan, pakaian, berniaga dan akhlak mulia Nabi (sollallahu 'alaihi wasallam), begitu juga sering membayangkan bagaimana Nabi (sollallahu 'alaihi wasallam) melakukan perbuatan-perbuatan tersebut.

***Tahap 10***

Hadir bersama Allah:

Pada peringkat ini, seseorang menumpukan fikirannya secara sempurna dan menyeluruh kepada Zat Allah. Maka dia akan menghabiskan malam dan siang sepanjang hidupnya dalam keadaan dia meyakini Allah sentiasa melihat dirinya, dan hakikatnya dia beramal seolah-olah Allah Taala ada disisinya.

Pada peringkat ini terdapat dua perkara penting:

1- Hadir bersama Allah 2- Amalan-perbuatan yang sesuai dan sahih

************

## PERINGKAT KEDUA

# PENYUCIAN FIKIRAN



### JALAN YANG MEMBAWA KEPADA DOSA

Inilah jalan yang membuahkan dosa dan maksiat di dalam fikiran seseorang.Ini disebabkan sikap tidak ambil peduli terhadap serangan was-was dan tidak berusaha untuk menentang sehingga syaitan berjaya menguasai fikirannya

Banyaknya kejahatan dan berkembang serta menetap di dalam fikiran



1

Seseorang membiarkan was-was masuk ke dalam fikirannya secara perlahan-lahan ,kemudian kejahatan semakin banyak dan menetap



2

Berkembangnya kejahatn ketika dibiarkan ia menjalar sehingga jadilah fikiran seseorang cenderung kepada was-was dan kejahatan

Membiarkan fikiran dengan syahwat setelah masuknya was-was



3

Kejahatan was-was menyibukkan fikiran dengan dosa dan menguasainya sehingga ia tidak dapat digunakan dengan betul, melainkan seorang yang mempunyai kehendak yang kuat dan dilindungi Allah Taala



4

Meningginya was-was dalam fikiran dan menguasainya dan mula mengarahkan anggota untuk melakukan kejahatan

Kejahatan mengawal fikiran dan fikiran mengarah anggota supaya melakukan kejahatan

Seorang yang tenggelam dalam dosa dan was-was, maka fikiran, hati dan ruhnya akan gelap dan hitam dengan kejahatan yang dilakukan.



5

Fikiran yang gelap akibat tenggelam dalam maksiat

### JALAN YANG MENYELAMATKAN DARI DOSA

Ini ialah jalan bagi sesiapa yang ingin melepaskan akal fikirannya dari was-was. Terdapat dua senjata yang mampu menentang serangan was-ws

Ketika gunakan dua cara ini akan mudahlah seseorang memadamkan api kejahatan



1

Cara 1

Memohon perlindungan dengan Allah dari was-was

Cara 2

Keazaman yang kuat & kehendak

Apabila was-was masuk sekali lagi hendaklah dia menggunakan cara yang telah disebutkan tadi



Was-was syaitan masuk dan dia harus gunakan cara 2 yang sama

Penjagaannya ialah dengan memelihara fikiran daripada was-was, iaitu selagi mana dia melatih dirinya dengan dua cara yang disebutkan tadi



Kejahatan

3

Berkembangnya penjagaan dengan perlahan supaya tidak dirosakkan oleh buruknya was-was.

Menguat dan menambah penjagaan pada peringkat ini akan melatih fikiran untuk berfikir pada kebesaran Allah dan rahmat NYA dan meng-ingatkan kepada Rasul Nya (sollallahu alaihi wasallam)



4

Lintasan-lintasan yang baik akan berkembang di dalam fikiran




5

Di sana fikiran akan sentiasa mengingati Allah dan Rasul (sollallahu alaihi wasallam)



©TAREEQAH MUHAMMADIYAH

## Peringkat Ketiga – PENYUCIAN HATI DAN RUH

Penyucian hati dan ruh bukanlah merupakan penyucian anggota dan fikiran. Sesungguhnya terdapat banyak dosa yang tersembunyi yang boleh membahayakan manusia yang mana ianya juga akan menjerumuskan seseorang ke dalam api neraka seperti hasad, dengki, kebencian, permusuhan, takabbur, riak, cinta dunia dan seumpamanya. Semua sifat-sifat ini wajiblah dikikis dan diganti dengan sifat-sifat hasanah/yang baik seperti sabar, syukur, tawadhuk, zuhud dan cinta Allah.

Ibnu Quddamah al Maqdisi berkata di dalam kitab Minhaj al Qaasidin: "Ketahuilah bahawa akhlak yang mulia adalah merupakan sifat para anbiya' dan siddiqin, manakala akhlak yang buruk merupakan racun pembunuh, mengheret tuan ke jalan syaitan, dan ia juga merupakan penyakit yangh memusnahkan kehidupan yang abadi. Maka hendakah seseorang mengenal pasti kecacatan yang ada dan berusaha untuk mengubati dan merawatnya."

Beliau berkata di bahagian yang lain dalam kitabnya: "Dan begitu juga bagi seseorang yang ingin memiliki sifat tawadhuk maka haruslah dia mengamalkan sifat-sifat orang yang tawadhuk. Begitulah demikiannya dengan seluruh sifat-sifat mahmudah yang lain di mana ianya akan memberi kesan kepada adat kebiasaan. Sebagaimana jika seseorang itu ingin menjadi seorang penulis maka hendaklah dia membiasakan dirinya dengan penulisan dan sering menulis. Begitu juga dengan seorang faqih (alim dalam feqh), beramal dengan perbuatan seorang ahli fiqh disebabkan dia sudah terbiasa dengannya sehingga melekat di dalam hatinya sifat-sifat seorang ahli feqah. Melainkan tidak sepatutnya seseorang itu berharap agar perkara tersebut memberi kesan yang cepat iaitu dalam tempoh dua atau tiga hari ke dalam hatinya. Bahkan ianya akan memberi kesan dengan lama dan istiqamahnya seseorang dengan amalannya, sebagaimana seseorang tidak meminta untuk menjadi matang tegak berdiri dalam tempoh masa dua tiga hari sahaja. Dan sesungguhnya pada istiqamah dan berterusan itu terdapat kesan yang besar dan mendalam.

Manusia sering menghabiskan usianya di dalam empat perkara:

1) Taat
2) Maksiat
3) Nikmat
4) Musibah

Dalam peringkat ini kita akan dapat fahami bagaimana cara menghadapi semua keadaan di atas dengan betul yang mana ianya akan membuahkan natijah dengan menukar hal tersebut kepada nikmat, dan sebagai imbuhannya, natijah tersebut akan membawa seseorang kepada kehidupan yang tabie':

Berikut ialah tindak balas yang betul dari seseorang apabila dia berhadapan dengan keempat-empat perkara dan keadaan yang telah disebut di atas:

1) Tindak balas yang betul ketika mana seseorang berada dalam keadaan melakukan ketaatan iaitu tawadhuk,rasa kehambaan, ikhlas.
2) Tindak balas yang betul ketika mana seseorang berada dalam keadaan melakukan maksiat iaitu penyesalan, malu, istighfar dan taubat.
3) Tindak balas yang betul ketika mana seseorang berada dalam nikmat iaitu menyandarkan segala nikmat kepada Allah yang telah mengurniakan segala nikmat tersebut.
4) Tindak balas yang betul ketika mana seseorang berada dalam musibah iaitu sabar, menjauhi maksiat dan kembali kepada Allah.

Bagi setiap perkara ini terdapat sepuluh tahap yang perlu dijalani oleh murid sebagai latihan dalam bentuk rohani, jasmani dan aqli (akal fikiran)

************

# Peringkat Ketiga Penyucian- Bahagian 1

Kotak di bahagian tengah menunjukkan keadaan manusia yang berbeza-beza sepanjang hidup mereka




Murid akan dilatih untuk bertindak menggunakan kualiti-kualiti tertentu dari keadaan yang berbeza-beza, di mana ianya akan membantu mereka untuk memperolehi rahmat Allah

## PERINGKAT KETIGA

# PENYUCIAN RUH






©TAREEQAH MUHAMMADIYAH

## Mentaati dan menghormati Syeikh

Ketika seseorang sudah meluruskan aqidah dan kepercayaannya serta menyempurnakan hak-hak Allah dan hak-hak hamba dan membersihkan tujuh anggota badannya serta fikiran dan mindanya juga menyucikan ruhnya dari sifat-sifat yang jahat dan menukarnya dengan sifat-sifat terpuji, maka di sana ketika mana hati dan ruh telah bersinar disirami dengan 'makrifatullah', perkara pertama yang harus dilakukan oleh murid ialah mengikut kata-kata dan perbuatan gurunya dengan ikhlas. Dan keadaan tersebut akan mengangkat kedudukan murid iaitu lebih hampir dengan kedudukan gurunya.

## Cinta kepada Rasulullah (sollallahu 'alaihi wasallam) dan mentaati baginda

Natijah daripada seorang murid yang mendengar dan memberi perhatian kepada kata-kata gurunya ialah dia akan sampai kepada tujuannya iaitu sunnah Nabi Saidina Muhammad (sollallahu 'alaihi wasallam) dan cinta kepadanya(sollallahu 'alaihi wasallam).

## Cinta kepada Allah Taala dan taat kepada Nya

Ketika mana seorang murid itu mengikut Rasulullah((sollallahu 'alaihi wasallam)), sekadar kemampuan yang ada pada dirinya maka ini akan menjadikan dia hampir kepada Allah dan termasuk dalam golongan hamba-hamba Allah yang dicintaiNya.

Maka sekarang jadilah *batin* seorang murid itu tenggelam dan hanyut dalam cinta Allah dan Rasul-Nya(sollallahu 'alaihi wasallam)), dan ketika itu jugalah *zahir* murid tersebut tenggelam dengan sempurna dalam mengikut sunnah Nabi (sollallahu 'alaihi wasallam) dan mencintai baginda. Dan beginilah keadaan para wali-wali Allah yang dicintai oleh Allah Taala.

Ketaatan mengikut para salafussoleh terbahagi kepada dua: Membesarkan perintah Allah dan mengasihani sesama makhluk. Sebagaiman firman Allah Taala:

( إِن اللهَ مَعَ ٱلَّذِيْنَ اتَّقَوْا وَٱلَّذِيْنَ هُمْ مُحْسِنُوْنَ )

Bermaksud: "Sesungguhnya Allah bersama dengan orang-orang yang bertaqwa dan orang-orang yang baik".

Dan sebaik-baik amal perbuatan itu dua perkara iaitu: Pertama berterusan dalam amalan-amalan yang menjurus kepada membesarkan Allah dan keduanya berjalan untuk menyampaikan kebaikan dan manfaat kepada orang lain.

Bergantung hati kepada yang selain dari Allah dalam jalan kehambaannya kepada Allah sama seperti seseorang itu bergantung kepada berhala dan ini merupakan syirik tersembunyi menurut ahli suluk/ahli ibadah.
Bagi orang-orang yang menempuh jalan ini(as salikin) ada dua perkara iaitu permulaan dan pengakhiran. Adapun 'permulaan' iaitu menyibukkan dirinya dengan ibadah kepada Allah dan manakala 'pengakhiran' ialah memutuskan pandangannya terhadap asbab(sebab-sebab) dan meyerahkan segalanya kepada penyebab bagi sebab tersebut iaitu yang dinamakan sebagai tawakkal kepada Allah.

Kerana manusia ketika masuk ke dunia ia diibaratkan sebagai seorang peniaga yang membeli kebahagiaan akhirat dengan ketaatannya. Dan pada hakikatnya tujuan manusia dijadikan atau diciptakan adalah untuk penghambaan kepada Penciptanya.

Firman Allah Taala:

( وَمَا خَلَقْتُ الجِنَّ وَالإِنْسَ إِلاَّ لِيَعْبُدُوْنَ )

Dan maksud tertinggi dalam perhambaan ialah sampai ke tahap mencintai Allah Taala. Sebagaimana disebutkan di dalam **hadis Qudsi**:

" لاَ يَزَالُ عَبْدِيْ يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ "

Dan setiap hamba yang hatinya dipenuhi dengan cinta Allah melebihi dari sekalian hamba yang lain maka bererti darjat dan maqamnya adalah lebih tinggi di sisi Allah Akan tetapi bagi hati itu ada *penterjemah*nya iaitu lisan dan bagi lisan pula ada yang *pembenar*nya iaitu anggota-anggota badan , Dan bagi yang *pembenar* ini pula ada *penyuci*nya.
Maka sekiranya seseorang mengatakan dengan lisannya : " Aku beriman", maka dia telah mendakwa mencintai Allah dan pada ketika itu tidak mesti tidak hendaklah disertakan dengan bukti atas dakwaannya itu. Maka sekiranya dia datangkan bukti dengan menyatakan rukun-rukun iman maka berhasil dan benarlah dia dengan dakwaannya itu dengan adanya saksi dan *pembenar-pembenar*nya.

Maka sekiranya dia menggantikan(mengorbankan) dengan dirinya dan hartanya serta menyucikannya dengan meninggalkan segala amalan-amalan buruk, maka suci bersihlah penyaksiannya pada apa yang telah ia katakan dan akui. Dan dengan demikian masuklah dia di dalam golongan muhibbin iaitu orang-orang yang mencintai Allah dan dicintai oleh Allah juga termasuk dalam golongan orang-orang yang hampir dengan Allah Taala.

Firman Allah Taala :

أَحَسِبَ ٱلنَّاسُ أَن يُتْرَكُوٓاْ أَن يَقُولُوٓاْ ءَامَنَّا وَهُمۡ لَا يُفۡتَنُونَ ٢

Bermaksud:
"Patutkah manusia menyangka Bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)"

*********

PERINGKAT KEEMPAT

# MENYINARI RUH

## Tahap 1

Menyerahkan cinta dan ketaatan dengan mengikut sunnah Nabi Muhammad(sollallahu alaihi wasallam )

Murid membuktikan cinta kepada Nabi Muhammad (sollallahu alaihi wasallam) dan berterusan menghiasi zahir dan batinnya dengan mengikut sunnah




## Tahap 2

Jiwa yang suci menyerahkan cintanya kepada Allah Yang Maha  Mulia lagi Maha Agung




Murid dalam tahap ini sempurna tenggelam dalam cinta Allah Yang Maha Mulia

Murid menyerap dalam makrifat Allah Yang Maha Tinggi dan menempuh pengalaman yang tidak dapat dilihat dengan  mata dan tidak dapat didengar dengan telinga

## Tahap 3

Jiwa yang sempurna, hati/batin tenggelam dalam cinta Allah Yang Maha Mulia sementara zahir tenggelam dalam cinta dan ketaatan mengikut sunnah Nabi(sollallahu alaihi wasallam)

Jasmani dan fizikal murid dalam keadaan penyerapan yang sempurna dengan ketaatan mengikut sunnah Nabi(sollallahu alaihi wasallam) dan batinnya dalam keadaan penyerapan yang sempurna dengan cinta terhadap Allah, Rasul Nya dan hari kiamat

Murid tersebut mencapai iman yang hakiki dan masuk ke dalam golongan hamba-hamba Allah Yang Maha Agung dan menjalani kehidupan seolah-olah dia melihat Allah Azzawajalla, serta syurga dan neraka segar di dalam fikirannya

Matlamat utama murid hanya untuk memperolehi redha Allah dengan seluruh anggota, fikiran, hati dan rohaninya






©TAREEQAH MUHAMMADIYAH

## Maqam/Kedudukan Dakwah

Adalah sayugia bagi seorang murid setelah mana dia menyempurnakan semua peringkat-peringkat terdahulu agar meneruskan kehidupannya secara sempurna dengan mengikut Rasulullah (sollallahu alaihi wasallam) dan menyeru manusia kepada Tuhan Yang Esa dengan cara dan jalan telah diterangkan kepada kita oleh baginda Rasulullah (sollallahu ‘alaihi wasallam).

Apabila seorang insan itu telah sampai ke kedudukan ini maka ke atasnya ada dua tugas penting iaitu:

1) Hendaklah dia istiqamah dan terus-menerus dengan kewajipannya. Dan dengan makna lain ialah hendaklah dia berterusan melakukan percubaan demi percubaan dan berjihad melawan nafsunya dan tidak menampakkan kelemahan dan malas. Kerana adalah sesuatu yang mudah bagi seseorang untuk mendapat tempat dan kedudukan yang tinggi akan tetapi adalah amat sukar untuk menjaga kedudukan yang tinggi tersebut. Dan perlu diingatkan bahawa ketika mana seseorang merasakan bahawa sudah ada kekuatan pada dirinya maka hendaklah dia sedarilah bahawa syaitan akan cuba untuk menjatuh dan melemahkannya.

2) Dengan seberapa boleh dan sekadar kemampuannya hendaklah dia menyeru dan memimpin manusia kepada ketaatan kepada Allah dan beribadah kepada Nya. Dan hendaklah dia mulakan dengan dirinya kemudian orang-orang yang disekelilingnya yang terdiri dari ahli keluarganya, kaum kerabatnya, rakan-rakannya, orang-orang yang sepergaulan dengannya, kampungnya, bandarnya, negerinya dan alam seluruhnya. Begitu juga menyeru mereka kepada mengikut dan beramal dengan sunnah Rasulullah Imam kepada sekalian para Nabi, Saidina Muhammad (sollallahu ‘alaihi wasallam).

## Ar Raja’ wa Al Khauf (Rasa Pengharapan dan Takut)

Ketika mana seseorang itu telah sampai ke tahap pengabdian kepada Allah,, hendaklah dia mengharapkan keredhaan Allah dan taqarrub(hampir) kepada Nya serta berjaya memperolehi syurga. Maka pada ketika itu wajib ke atasnya merasa takut sekiranya terdapat kekurangan dan kecacatan dalam pengabdiannya.. Dan sesungguhnya bukanlah merupakan kesanggupan dan kemampuan seorang hamba yang serba lemah untuk sampai ke tahap kesempurnaan dalam pengabdiannya. Sesungguhnya manusia tidak akan mampu untuk menunaikan pengabdian dengan sempurna kepada tuhannya.

Dan sekarang batin seseorang akan berada bersama Allah dan zahirnya mengikut sunnah Nabi (sollallahu alaihi wasallam) , dia terbang menuju arah tujuannya iaitu redha Allah sentiasa menanggung di kedua-dua sayapnya perasaan takut dan mengharap….Mengharap rahmat Allah dan itulah yang menyebabkan dia sentiasa merasa takut sekiranya terdapat kekurangan dan kecatatan dalam ibadahnya.

**Tawakkal kepada Allah**

Sekiranya seseorang telah berusaha sedaya-upayanya untuk taat beribadah kepada Allah, maka wajiblah ke atasnya untuk tidak bergantung dan bersandar kepada amalan-amalan solehnya, bahkan hendaklah dia menghimpunkan segala keyakinan dan kepercayaannya kepada Allah dan bergantung kepada Allah zahir dan batin dengan sepenuh hati serta memohon kepada Allah pemeliharaan dan pertolongan Nya juga mengharap agar diterima dan dipilih oleh Allah Jalla Jalaluh.

**Hari keluarnya insan dari dunia ini**

Sekalipun telah melakukan ibadah-ibadah kepada Allah, seharusnya bagi seorang hamba itu merasa takut sekiranya penghujungnya itu adalah buruk dan tidak baik serta ditolak oleh Allah segala ibadah yang telah dilakukan.

Dan kadang kala datang persoalan di dalam benak fikiran seseorang: “Apakah Allah meredhaiku atau tidak ? Ketahuilah….bahawa syaitan sentiasa cuba untuk memesongkan manusia dari jalannya yang lurus sehingga berubah menjadi kafir.

Sesungguhnya mukmin yang ikhlas beriman kepada Allah meyakini bahawasanya sekiranya Allah menghitung segala amalannya, maka sesungguhnya pengakhirannya adalah neraka di mana segala amalan-amalannya itu tidak melayakkan dia untuk masuk ke syurga Allah, akan tetapi dengan rahmat Allah maka seseorang hamba itu dapat masuk ke syurga.

Maka dengan itu hendaklah seorang hamba Allah itu sentiasa mengharap rahmat dan keredhan Allah dan memasukkannnya ke dalam golongan orang-orang soleh dan di redhai Allah. Ameen..

***********


Redha Allah
Kematian
Jalan-jalan
Ibadah
Syariah
Hadir bersama Allah
Sunnah
Tetap(Istiqamah)
Berjuang/Mujahadah
Menyeru dan menyampaikan
Peringkat Keempat Penyinaran
Peringkat Ketiga Penyucian Jiwa
Peringkat Kedua Penyucian Akal
Peringkat Pertama Penyucian Anggota
Feqah
Aqidah
Matlamat kewujudan
Neraka
Bangga
Ego/Keakuan
Pura-pura
U
Memohon keampunan dari Allah dan kembali ke pangkal jalan yang lurus semata-mata kerana Allah
Perbuatan haram
Neraka
Kufur
Syirik
Tempoh yang pendek untuk wujud dalam kehidupan
Kelahiran

# لا إله إلاَّ الله

Persediaan untuk berzikir dengan jasad dan ruh:

Sekiranya seseorang itu berzikir mengingati Allah, akan tetapi ketika berzikir batin dan hatinya lalai, maka faedah yang diperolehinya adalah kurang. Akan tetapi sekiranya seorang hamba itu ingin untuk sampai ke penghujungnya dan memperolehi faedah yang besar maka hendaklah dia membina ikatan antara hati nya dengan Allah dengan ikatan yang kukuh. Walau bagaimanapun sekiranya seorang insan itu mengingati Allah dengan lidahnya sahaja itu bukanlah bererti dia tidak memperolehi apa-apa faedah.

**Contonya:**
Sekiranya bersama anda ada telefon akan tetapi ianya tidak bersambung dengan talian ataupun ganggangnya tidak mempunyai wayar yang menyambungkannya dengan telefon, maka anda tidak akan dapat mengambil faedah dari wujudnya telefon bersama anda sekalipun telefon tersebut adalah dari jenis yang termahal dan terkini ataupun anda bercakap dengan menggunakan telefon tersebut dengan suara yang lantang tetap ia tidak memberikan apa-apa faedah.

Lafaz-lafaz zikir itu ialah: berbentuk (gaya), berjasad, hadir dan sedar serta tidak lalai, dan ianya seperti kedudukan ruh bagi jasad.

Bagaimana hendak membina dan mengasaskan ikatan?

Sebelum seseorang memulakan zikir hendaklah dia menghidupkan serta menegakkan iktikad, aqidah dan kepercayaannya serta menghayati tiga bentuk gambaran yang akan disebutkan nanti di dalam hati dan fikirannya dan hendaklah dia berterusan dalam keadaan tersebut. Dan gambaran-gambaran tersebut ialah:

- Sesungguhnya Allah ada bersamaku dengan segala sifat-sifatNya
- Sesungguhnya Allah melihatku dan menyaksikanku
- Sesungguhnya Allah mendengarku dan mendengar segala kata-kataku dan zikirku.

**Bergantungnya anggota-anggota insan dengan zikir**

- *Lisan*: Tugasnya ialah menuturkan zikir seperti : لا إله إلاَّ الله
- *Otak*: Menegakkan 3 keyakinan iaitu: Allah bersamaku, Allah melihatku, Allah mendengarku.
- *Hati dan batin*: Sentiasa dalam keadaan bermunajat kepada Allah iaitu berdoa dan bercakap-cakap dengan Allah tanpa menggunakan lisan.

**Apakah tugas ini berat dan susah?**

Jawapan: Tidak susah bahkan ianya mudah dan senang. Bahawasanya seseorang ketika mana dia duduk setiap hari bersama orang lain sama ada ramai atau tidak maka hendaklah dia mengadakan ikatan bersama mereka dengan perantaraan tiga gambaran tadi.

**Contohnya:**
Apabila anda duduk berbincang atau berbual-bual dengan seseorang maka akan ada dalam keyakinanmu bahawa dia duduk bersamamu, mendengarmu dan melihatmu. Maka ianya seolah-olah satu ikatan di mana anda bercakap-cakap dengan seseorang dengan satu lafaz yang lain sementara dalam masa yang sama hati anda berfikir kepada perkara-perkara lain mengenai orang tersebut.

Perbezaannya pada peringkat permulaan ialah seseorang itu terikat dengan makhluk lain, dan sekarang dia menghadap kepada Allah dengan zikirnya dan mempunyai ikatan denganNya.

**Cara-cara berzikir**:

1- Membaca Bismillah بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ
2- Membaca istighfar (3 x)
3- Berselawat ke atas Nabi(sollallahu alaihi wasallam) (3x)
4- Menyebut ( لا حول ولا قوة إلا بالله علي العظيم ) ( 3x)

Cara melafazkan zikir :

( إلا.........إلا الله ) ( yang berhak disembah.............إله ) (لا...........لا )

Cara membacanya:

- Memanjangkan sebutan 'lam'( ل ) pada kalimah ( لا ) dan ( إله ) .
- Menyebut dengan betul huruf 'alif'( إ ) pada kalimah ( إلا الله ) dan tidak menukarkannya kepada huruf 'ha'( هـ ) seperti ( هِلا الله ) dan ini adalah kesalahan yang ada dilakukan oleh sesetengah orang ketika mereka berzikir.
- Memanjangkan sebutan 'lam'( ل ) sebanyak 2 harakat beserta ditebalkan sebutannya pada lafzul Jalaalah( الله ).

Apakah yang disebut sepanjang berzikir ?

Memikirkan bahawasanya tempat nafsu adalah di perut, iaitu padanyalah segala syahwat dan kegelapan bermula juga kotoran yang menutup hati dan batin disebabkan dosa dan ianya mestilah dihilangkan dan dikikis dari hati dan nafsu.

Dan ketika menyebut (لا) mestilah dia berfikir kepada menafikan semua tuhan-tuhan yang batil dan menafikan segala perkara yang menjadi sebab seseorang lupa kepada Allah.

Ketika menyebut (لا) dia menarik dan mengeluarkan segala kotoran-kotoran dan syahwat dari batinnya dengan menghala ke kepala.

